

08 JUN 1998

MAHATHIR-KLIA/I

SEBARANG PENANGGUHAN FASA KEDUA KLIA TIDAK LAMA, KATA DR M

SEPANG, 8 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sebarang penangguhan dalam pembinaan fasa kedua Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) tidak akan lama.

"Ia mungkin atau tidak ditangguhkan kerana ianya di luar kawalan kita," katanya kepada pemberita selepas melawat lapangan terbang baru itu di sini hari ini.

Beliau ditanya sama ada pembinaan fasa kedua itu, yang melibatkan terminal kedua lapangan terbang itu, akan ditangguhkan kerana keadaan ekonomi sekarang.

Dr Mahathir berkata tiada gunanya membina satu lagi terminal jika tiada orang akan menggunakan lapangan terbang itu.

"Saya rasa walaupun jika ada penangguhan, ianya tidak akan lama," tambahnya.

Kos keseluruhan projek KLIA adalah RM9.0 bilion. Ia akan memulakan operasinya pada 30 Jun 1998.

Terletak kira-kira 50 kilometer dari Kuala Lumpur, lapangan terbang dengan ciri terancang itu adalah projek yang dilaksanakan menerusi empat fasa dan yang direka untuk memenuhi permintaan penumpang dan kargo udara Malaysia bagi seabad akan datang.

Menurut perancangan, fasa kedua pembangunannya akan memperlihatkan keupayaan lapangan terbang itu ditingkatkan untuk mengendali 35 juta penumpang menjelang 2008, manakala fasa ketiga akan mengendali 45 juta penumpang menjelang 2012. -- BERNAMA

AD JR OS